

20 MAR 1996

Mahathir-wanita

WANITA BERPERANAN PENTING BAGI KEMENANGAN BN

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peranan Pergerakan Wanita Umno penting dalam membawa kejayaan kepada parti terutama semasa pilihan raya.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata oleh itu semua pihak perlu menerima hakikat bahawa wanita memang cergas dalam memberikan sumbangan dan tenaga kepada parti.

"Peranan dan bantuan wanita amat berkesan terutama dalam proses merayu undi sehinggakan mereka sanggup menemui pengundi hingga ke pintu belakang," katanya ketika berucap pada majlis jamuan malam Mawar Merah ke-3 di sini.

Dr Mahathir berkata beliau yakin Pergerakan Wanita memberikan sumbangan besar kepada kemenangan Barisan Nasional (BN) dan Umno dalam pilihan raya.

Majlis anjuran Pergerakan Wanita Umno yang bertujuan mengutip derma itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Ketua Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz, beberapa orang menteri, menteri besar dan timbalan menteri.

Perdana Menteri berkata beliau dan Umno amat menghargai segala usaha dan perjuangan yang disumbangkan oleh Pergerakan Wanita kepada parti.

Katanya oleh itu Umno tidak teragak-agak memberikan bantuan yang sewajarnya yang diminta oleh Pergerakan Wanita berdasarkan kepada semangat tinggi yang ditunjukkan.

Dr Mahathir berkata Umno juga menghargai segala pandangan dan buah fikiran yang disumbangkan oleh Pergerakan Wanita kepada parti.

"Ada sesetengah pihak menyatakan peranan wanita tidak penting, tetapi bagi Umno wanita bebas (setakat yang boleh) menjalankan kegiatan mereka," katanya.

Beliau juga berterima kasih kepada para dermawan yang sudi menghulurkan derma pada malam ini.

Pada majlis itu Dr Mahathir dan isteri berduet mendendangkan dua lagu iaitu "Di mana suara Burung Kenari dan "Tanya sama hati". Siti Hasmah turut mendendangkan lagu "Bunga Semerak" secara solo.

Lagu-lagu ini membawa hasil pungutan derma kira-kira RM1 juta untuk tabung Pergerakan Wanita Umno. -- BERNAMA

HT AKD